

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HST 222 Sejarah Kepulauan Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN  
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada setiap bahagian. Semua soalan mempunyai markah yang sama.

Bahagian A:

1. “Sebahagian besar perkembangan perdagangan membawa kepada perkembangan agama Islam di kepulauan Indonesia dari kurun ke-15 hingga ke-17.” Bersetujukah anda?
2. Sejauhmanakah kegiatan orang Eropah telah mempengaruhi keadaan politik dan sosio-ekonomi di kepulauan Asia Tenggara pada kurun ke-17 dan ke-18?
3. “Kemunculan kerajaan kolonial di Indonesia adalah disebabkan oleh perkembangan ekonomi, kemudahan pengangkutan dan pentadbiran birokrasi.” Jelaskan.

Bahagian B:

4. “Ekonomi pertanian komersil membawa kebajikan kepada rakyat, bukan perkembangan ekonomi.” Bersetujukah anda dengan pernyataan ini dengan merujuk kepada perubahan ekonomi di Pulau Jawa dan Pulau Luzon dari 1830 hingga 1928?

5. "Perubahan ekonomi dan sosial dengan cepat membawa kepada pergerakan politik rakyat yang radikal dari 1880-an hingga 1920-an." Adakah pernyataan ini benar tentang pergerakan politik di Pulau Jawa dan Pulau-pulau Filipina pada masa tersebut?
6. Sejauhmanakah dasar pemerintahan Amerika Syarikat di Filipina mempengaruhi perkembangan semangat demokrasi rakyat Filipina?

**Bahagian C:**

7. "Kepimpinan nasional mungkin mempengaruhi dasar yang umum terhadap gerakan kemerdekaan, tetapi tidak boleh mengawal gerakan politik di peringkat daerah." Sejauhmanakah pernyataan ini benar tentang Revolusi Indonesia?
8. Jelaskan faktor-faktor politik dan ekonomi yang menyebabkan kewujudan 'Orde Baru' Suharto di Indonesia dan pemerintahan Marcos di Filipina.

--oo000oo--